



**JABATAN PERDANA MENTERI
UNIT KERJASAMA AWAM SWASTA**

**GARIS PANDUAN
PERUBAHAN PEMEGANG SAHAM,
STRUKTUR PEMEGANGAN SAHAM DAN NOVASI PERJANJIAN BAGI
PROJEK KERJASAMA AWAM-SWASTA**

VERSI 3.0

TAHUN 2025

KANDUNGAN

BIL	PERKARA	MUKA SURAT
1.0	Pengenalan	1
2.0	Latar Belakang	1
3.0	Syarat-syarat Perubahan Pemegang Saham dan Struktur Pemegangan Saham	3
4.0	Syarat-syarat Novasi Perjanjian PPP	4
5.0	Kemungkiran Perjanjian PPP Berkaitan Perubahan Pemegang Saham, Struktur Pemegangan Saham, Atau Novasi dan Penalti	5
6.0	Proses Permohonan	6
7.0	Kuat Kuasa dan Pemaakaian	8
8.0	Kajian Semula dan Pindaan	8
9.0	Penafian	9
10.0	Pertanyaan	9
	Lampiran 1 - Contoh Pemegang Saham dan Struktur Pemegangan Saham untuk Syarikat Bertujuan Khas	10
	Lampiran 2 - Borang Pengisytiharan Struktur Pemegangan Saham/Novasi	11
	Lampiran 3 - Garis Masa Tempoh Minimum Moratorium bagi Projek PPP	14
	Lampiran 4 - Senarai Semak Dokumen Sokongan Permohonan Perubahan Pemegang Saham dan Struktur Pemegangan Saham	15
	Lampiran 5 - Senarai Semak Dokumen Sokongan Permohonan Novasi Perjanjian	16
	Lampiran 6 - Carta Alir Proses Perubahan Pemegang Saham dan Struktur Pemegangan Saham	17
	Lampiran 7 - Carta Alir Proses Novasi Perjanjian Projek PPP	18
	Lampiran 8 - Akuan Bersumpah	19
	Lampiran 9 - Surat Akuan Integriti	20

1.0 PENGENALAN

Garis Panduan Perubahan Pemegang Saham, Struktur Pemegangan Saham dan Novasi Perjanjian bagi projek Kerjasama Awam-Swasta (*public-private partnership* – PPP) disediakan sebagai panduan kepada Kementerian/Agensi Kerajaan dan syarikat bertujuan khas (*special purpose vehicle* - SPV) yang menandatangani perjanjian dengan Kerajaan mengenai permohonan perubahan pemegang saham, struktur pemegangan saham dan/atau novasi perjanjian.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 PPP merujuk kepada satu bentuk kerjasama antara sektor awam denganswasta dalam penyediaan sama ada aset atau perkhidmatan awam, atau kedua-duanya, yang mana satu entiti perniagaan (*stand-alone business*) ditubuhkan oleh sektor swasta untuk membiayai, melaksana dan/atau mengurus projek PPP¹.
- 2.2 Dasar semasa Kerajaan dalam pelaksanaan projek PPP mensyaratkan sebuah entiti perniagaan iaitu syarikat bertujuan khas (*special purpose vehicles* – SPV) ditubuhkan oleh sektor swasta di bawah Akta Syarikat 2016 [Akta 777] yang akan menandatangani perjanjian projek PPP (“Perjanjian PPP”) mengikut model PPP yang ditetapkan. Di bawah perjanjian PPP, SPV hendaklah mematuhi perkara-perkara berhubung dengan pemegang saham dan struktur pemegangan saham.
- 2.3 Pemegang saham (*shareholder*) adalah merujuk kepada pemilik saham oleh individu atau syarikat. Struktur pemegangan saham (*shareholding structure*) pula merujuk kepada pecahan peratus oleh individu atau syarikat yang memegang saham dalam SPV yang melaksanakan projek PPP. Gambar rajah ringkas pemegang saham dan struktur pemegangan saham adalah seperti di **LAMPIRAN 1.**

¹ Pelan Induk Kerjasama Awam-Swasta 2030

- 2.4 Pemegang saham dan struktur pemegangan saham dalam SPV adalah terdiri sama ada daripada individu atau syarikat yang berstatus bumiputera atau bukan bumiputera.
- 2.5 Pemegang saham warganegara Malaysia dalam SPV hendaklah sekurang-kurangnya tujuh puluh lima peratus (75%) daripada keseluruhan struktur pemegangan saham. Pemegangan saham oleh bumiputera dalam SPV pula hendaklah sekurang-kurangnya tiga puluh peratus (30%) daripada keseluruhan struktur pemegangan saham². Pengiraan pegangan saham bagi warganegara Malaysia dan bumiputera dalam SPV adalah berdasarkan kepada saham biasa (*ordinary share*) sahaja.
- 2.6 SPV yang ditubuhkan selepas kelulusan prinsip diberikan oleh Jemaah Menteri perlu mengemukakan dokumen sokongan berhubung dengan struktur pemegangan saham warganegara Malaysia dan bumiputera seperti di perenggan 2.5 dan mengisi Borang Pengisytiharan Struktur Pemegangan Saham/Novasi seperti di **LAMPIRAN 2**.
- 2.7 Selain perubahan pemegang saham dan struktur pemegangan saham dalam SPV, terdapat SPV yang berhasrat memindah hak milik (*ownership*), aset dan liabiliti kepunyaan SPV kepada syarikat baharu yang akan mengambil alih sepenuhnya pelaksanaan/pengurusan projek PPP melalui proses novasi.
- 2.8 Novasi adalah merujuk kepada pemindahan hak milik, aset dan liabiliti pemegang saham SPV sedia ada secara keseluruhan (*lock, stock and barrel*) kepada pemilik baharu dengan menandatangani perjanjian novasi antara SPV sedia ada, SPV baharu dengan kementerian/agensi pelaksana.
- 2.9 Perjanjian novasi ini akan mengesahkan bahawa pemindahan tersebut adalah sah dan teratur dari segi undang-undang serta memastikan semua hak dan tanggungjawab yang berkaitan dengan pemegang saham dalam SPV sedia ada telah dipindahkan kepada SPV baharu.

² Sila lihat di Perenggan 53, Pelan Induk Penswastaan 1991

3.0 SYARAT-SYARAT PERUBAHAN PEMEGANG SAHAM DAN STRUKTUR PEMEGANGAN SAHAM

- 3.1 Sebarang perubahan pemegang saham dan struktur pemegangan saham, sama ada **sebelum atau selepas** perjanjian PPP ditandatangani, adalah **tidak dibenarkan tanpa persetujuan secara bertulis** daripada Kerajaan.
- 3.2 Selepas perjanjian PPP ditandatangani, terdapat tempoh moratorium iaitu merujuk kepada suatu tempoh di mana pemegang saham dan struktur pemegangan saham perlu kekal seperti mana dinyatakan dalam perjanjian yang ditandatangani. Garis masa tempoh minimum moratorium bagi Projek PPP adalah seperti yang dinyatakan dalam **LAMPIRAN 3**. Contoh tempoh moratorium minimum yang ditetapkan dalam perjanjian PPP adalah seperti berikut:
- 3.2.1 sekurang-kurangnya 2 tahun selepas tarikh perjanjian berkuat kuasa (*effective date*) atau sehingga *Certificate of Acceptance* dikeluarkan oleh Kerajaan, yang mana terkemudian bagi sektor perkhidmatan;
 - 3.2.2 sekurang-kurangnya 3 tahun selepas tarikh perjanjian berkuat kuasa atau sehingga *Certificate of Acceptance* dikeluarkan oleh Kerajaan, yang mana terkemudian bagi sektor pembinaan; dan
 - 3.2.3 sekurang-kurangnya 9 tahun selepas tarikh perjanjian berkuat kuasa bagi projek-projek lebuhraya.
- 3.3 Walau apa-apa pun yang diperuntukkan dalam perenggan 3.2 di atas dan perjanjian PPP, Kerajaan boleh mempertimbangkan untuk meluluskan sebarang permohonan perubahan pemegang saham dan struktur pemegangan saham dalam SPV (kecuali syarikat yang disenaraikan di Bursa Malaysia) selepas tempoh moratorium dan kelulusan tersebut hendaklah diperoleh secara bertulis daripada Kerajaan melalui Unit Kerjasama Awam Swasta, Jabatan Perdana Menteri (UKAS, JPM).

- 3.4 Sebarang permohonan perubahan pemegang saham dan struktur pemegangan saham hendaklah mematuhi dasar struktur pemegangan saham bumiputera dalam SPV iaitu pemegangan saham oleh Bumiputera dalam SPV hendaklah sekurang-kurangnya tiga puluh peratus (30%) daripada keseluruhan pemegangan saham dalam SPV. Selain daripada itu, pemegangan saham warganegara Malaysia dalam SPV hendaklah sekurang-kurangnya tujuh puluh lima peratus (75%) daripada keseluruhan struktur pemegangan saham dalam SPV.

4.0 SYARAT-SYARAT NOVASI PERJANJIAN PPP

- 4.1 Selepas perjanjian PPP ditandatangani, SPV tidak dibenarkan untuk melaksanakan sebarang novasi **tanpa persetujuan secara bertulis** daripada Kerajaan melalui UKAS, JPM.
- 4.2 Pemegang saham warganegara Malaysia dalam SPV bagi permohonan novasi perjanjian hendaklah sekurang-kurangnya tujuh puluh lima peratus (75%) daripada keseluruhan struktur pemegangan saham. Pemegangan saham oleh bumiputera dalam SPV bagi permohonan novasi perjanjian hendaklah sekurang-kurangnya tiga puluh peratus (30%) daripada keseluruhan struktur pemegangan saham³. Pengiraan pegangan saham bagi warganegara Malaysia dan bumiputera dalam SPV adalah berdasarkan kepada saham biasa (*ordinary share*) sahaja.
- 4.3 SPV perlu mengemukakan dokumen sokongan berhubung dengan struktur pemegangan saham warganegara Malaysia dan bumiputera seperti di perenggan 4.2 dan mengisi Borang Pengisytiharan Struktur Pemegangan Saham/Novasi di **LAMPIRAN 2**.

³ Sila lihat di Perenggan 53, Pelan Induk Penswastaan 1991

4.4 Sebarang permohonan novasi perjanjian PPP hendaklah dibuat oleh SPV yang menandatangani perjanjian PPP. SPV tersebut hendaklah menyerahkan hak semua obligasi, aset dan liabiliti kepada SPV baharu, dan SPV baharu perlu menerima semua obligasi, aset dan liabiliti di bawah perjanjian PPP melalui perjanjian novasi. Contoh obligasi, aset dan liabiliti dalam perjanjian PPP sedia ada termasuk dan tidak terhad kepada perkara-perkara berikut:

- 4.4.1 hutang syarikat;
- 4.4.2 operasi dan penyelenggaraan;
- 4.4.3 apa-apa jumlah bayaran belum terima (*receivables*) dan belum bayar (*payables*);
- 4.4.4 laporan kewangan, audit dan pematuhan;
- 4.4.5 pembayaran kepada Pertubuhan Keselamatan Sosial/Kumpulan Wang Simpanan Pekerja/insuran;
- 4.4.6 aktiviti tanggungjawab sosial korporat; dan
- 4.4.7 lain-lain perkara berkaitan.

5.0 KEMUNGKIRAN PERJANJIAN PPP BERKAITAN PERUBAHAN PEMEGANG SAHAM, STRUKTUR PEMEGANGAN SAHAM, ATAU NOVASI DAN PENALTI

5.1 SPV perlu mendapatkan persetujuan secara bertulis daripada Kerajaan sebelum sebarang perubahan pemegang saham, struktur pemegangan saham, atau novasi dilaksanakan. Sekiranya ketidakpatuhan atau pelanggaran kepada perkara ini berlaku, SPV boleh dikenakan penalti sebanyak 0.1% daripada kos projek/nilai kontrak atau apa-apa amaun lain yang akan ditetapkan oleh Kerajaan, tertakluk kepada perjanjian PPP.

5.2 Pada masa yang sama, sekiranya perubahan pemegang saham, struktur pemegangan saham, atau novasi dilaksanakan tanpa persetujuan bertulis daripada Kerajaan dan telah menyebabkan sama ada peratusan minimum pemilikan ekuiti bumiputera dan/atau warganegara Malaysia berkurangan,

SPV hendaklah mengembalikan peratusan minimum pemilikan ekuiti bumiputera dan/atau warganegara Malaysia dalam tempoh yang ditetapkan oleh Kerajaan.

- 5.3 Sekiranya ketidakpatuhan atau pelanggaran berhubung Perkara 5.1 dan 5.2 berlaku, SPV hendaklah mengemukakan dokumen sokongan seperti di **LAMPIRAN 4** dan **LAMPIRAN 5** dalam tempoh 90 hari (termasuk hari cuti umum dan kelepasan am) untuk tindakan UKAS, JPM.

6.0 PROSES PERMOHONAN

- 6.1 Setiap permohonan yang memenuhi syarat seperti di perenggan 3 atau 4 hendaklah **dikemukakan oleh SPV secara bertulis kepada UKAS, JPM** beserta dokumen yang lengkap masing-masing seperti di **LAMPIRAN 4** dan **LAMPIRAN 5**.
- 6.2 Carta alir proses permohonan perubahan pemegang saham dan struktur pemegangan saham dalam SPV adalah seperti di **LAMPIRAN 6** dan carta alir proses permohonan novasi perjanjian adalah seperti di **LAMPIRAN 7**.
- 6.3 SPV hendaklah menandatangani dan mengemukakan Akuan Bersumpah seperti di **LAMPIRAN 8** dan Surat Akuan Integriti (*Integrity Pact*) seperti di **LAMPIRAN 9** bagi setiap permohonan.
- 6.4 UKAS, JPM berhak untuk meminta sebarang maklumat tambahan daripada SPV mengenai permohonan yang dikemukakan. Semua maklumat tambahan yang diminta tersebut hendaklah dikemukakan dalam tempoh 14 hari (termasuk hari cuti umum dan kelepasan am) daripada tarikh maklumat tambahan tersebut diminta. Sekiranya SPV gagal mengemukakan maklumat berkenaan dalam tempoh 14 hari tersebut, permohonan tersebut akan dianggap terbatal dengan sendirinya.

6.5 Permohonan yang lengkap hendaklah dikemukakan kepada:

Ketua Pengarah
Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS)
Jabatan Perdana Menteri
Setia Perdana 2
Kompleks Setia Perdana
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 PUTRAJAYA

6.6 Semua permohonan perubahan pemegang saham, struktur pemegangan saham atau novasi perjanjian perlu dibentangkan kepada Jawatankuasa Kerjasama Awam Swasta (JKAS) sebelum dikemukakan untuk proses selanjutnya seperti yang berikut:

6.6.1 semua permohonan perubahan pemegang saham dan struktur pemegangan saham di peringkat SPV akan diangkat untuk pertimbangan dan kelulusan YAB Perdana Menteri;

6.6.2 semua permohonan novasi perjanjian akan diangkat untuk pertimbangan dan kelulusan Jemaah Menteri; dan

6.6.3 semua permohonan perubahan pemegang saham dan struktur pemegangan saham di peringkat syarikat induk (*holding company*) yang mengakibatkan perubahan pemegang saham dan struktur pemegangan saham bumiputera di peringkat SPV akan diangkat untuk pertimbangan dan kelulusan Jemaah Menteri.

6.7 Semua proses perubahan pemegang saham dan struktur pemegangan saham dalam SPV hendaklah dimuktamadkan dengan menandatangani perjanjian PPP tambahan dengan Kementerian/Agensi Pelaksana yang bertanggungjawab setelah diluluskan oleh Jemaah Menteri/YAB Perdana Menteri.

- 6.8 Proses novasi hendaklah dimuktamadkan dengan menandatangani perjanjian novasi antara SPV sedia ada, SPV yang baharu dengan Kementerian/Agensi Pelaksana.
- 6.9 Semua keputusan Jemaah Menteri/YAB Perdana Menteri berkenaan dengan permohonan perubahan pemegang saham, struktur pemegangan saham dalam SPV atau novasi perjanjian adalah muktamad. Sebarang ketidakpatuhan atau pelanggaran kepada syarat dan terma dalam perjanjian PPP berhubung dengan perubahan pemegang saham, struktur pemegangan saham dalam SPV atau novasi perjanjian boleh mengakibatkan kemungkiran (*default*) kepada perjanjian PPP.

7.0 KUAT KUASA DAN PEMAKAIAN

- 7.1 Garis Panduan ini berkuat kuasa pada 21 Mac 2025 dan sebarang pengecualian kepada pemakaian perkara-perkara yang dinyatakan dalam Garis Panduan ini adalah tertakluk kepada keputusan JKAS dan kelulusan muktamad Jemaah Menteri/YAB Perdana Menteri.
- 7.2 Garis Panduan ini membatalkan Garis Panduan Perubahan Pemegang Saham, Struktur Pemegangan Saham dan Novasi Perjanjian bagi projek Kerjasama Awam-Swasta Versi 2.0 bertarikh 18 Disember 2024.

8.0 KAJIAN SEMULA DAN PINDAAN

Kerajaan berhak untuk mengkaji semula dan meminda Garis Panduan ini dari semasa ke semasa.

9.0 PENAFIAN

Sekiranya terdapat percanggahan antara Garis Panduan ini dengan perjanjian yang berkuat kuasa, terma-terma dan syarat dalam perjanjian tersebut hendaklah terpakai

10.0 PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan berkenaan Garis Panduan ini hendaklah diajukan ke talian: 03-8872 5004 atau e-mel: unitdasar@ukas.gov.my.

Disediakan oleh:

**Seksyen Dasar dan Perancangan Strategik
Unit Kerjasama Awam Swasta
Jabatan Perdana Menteri**


LAMPIRAN 1

CONTOH PEMEGANG SAHAM DAN STRUKTUR PEMEGANGAN SAHAM UNTUK SYARIKAT BERTUJUAN KHAS

CONTOH 1



CONTOH 2



BORANG PENGISYTIHARAN STRUKTUR PEMEGANGAN SAHAM/NOVASI**A. MAKLUMAT SYARIKAT**

1. Nama Syarikat : _____
2. Nombor Pendaftaran Syarikat : _____
3. Alamat Berdaftar : _____
4. Alamat Operasi : _____
5. Jenis Perniagaan : _____
6. Tarikh Penubuhan : _____

B. STRUKTUR PEMEGANGAN SAHAM

BIL.	PERKARA	SEBELUM PERUBAHAN	SELEPAS PERUBAHAN
1.	Jumlah Modal Diterbitkan (<i>Issued Share Capital/Paid-up Capital</i>) (RM)		
2.	Jumlah Saham Biasa (<i>Ordinary Share</i>) (RM)		
3.	Jumlah Saham Keutamaan (<i>Preference Share</i>) (RM)		
4.	Jumlah Lain-Lain Saham (RM), sekiranya ada (contoh <i>Golden Share</i>)		
5.	Jumlah Pemegangan Saham Biasa oleh Bumiputera (%)		
6.	Jumlah Pemegangan Saham Biasa oleh Warganegara Malaysia (%)		
7.	Jumlah Pemegangan Saham Biasa oleh Bukan Warganegara (%)		

8. Senarai Pemegang Saham Biasa (sila gunakan format di bawah untuk setiap pemegang saham biasa)

	SEBELUM PERUBAHAN	SELEPAS PERUBAHAN
Nama Individu/Syarikat		
No. Kad Pengenalan/Pasport/ Syarikat		
Status (Warganegara/Bukan Warganegara)		
Status Bumiputera (Ya/Tidak)		
Jumlah Saham Biasa (Unit)		
% Pemegangan		

C. DOKUMEN SOKONGAN YANG PERLU DILAMPIRKAN

1. Salinan kad pengenalan atau pasport setiap pemegang saham biasa.
2. Salinan terkini dan lengkap carian Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) yang merangkumi maklumat syarikat, modal, pengarah dan pegawai, pemegang saham dan lain-lain yang berkaitan.
3. Carta organisasi syarikat yang memaparkan kedudukan pemegang saham dan peratusan pemegangan saham (saham biasa, saham keutamaan dan lain-lain saham yang berkaitan) sebelum dan selepas perubahan saham.
4. Surat kuasa wakil atau resolusi syarikat kepada wakil yang akan menandatangani Borang Pengisytiharan Struktur Pemegangan Saham/Novasi (jika berkaitan).

D. PENGISYTIHARAN

Saya..... No. Kad Pengenalan:..... dengan ini mengesahkan bahawa semua maklumat yang diberikan dalam borang ini dan salinan dokumen sokongan yang dilampirkan adalah sah dan benar.

Tandatangan :


Nama :

Jawatan :

Tarikh :

Cop Rasmi Syarikat :

GARIS MASA TEMPOH MINIMUM MORATORIUM BAGI PROJEK PPP



LAMPIRAN 4

SENARAI SEMAK DOKUMEN SOKONGAN PERMOHONAN PERUBAHAN PEMEGANG SAHAM DAN STRUKTUR PEMEGANGAN SAHAM

Bil.	Perkara	Ya/Tidak
1.	Surat permohonan rasmi yang menyatakan tujuan perubahan pemegang saham dan struktur pemegangan saham, bilangan saham yang dijual, nilai saham yang terlibat dan penggunaan hasil jualan saham, asas penilaian harga jualan sesaham serta draf perjanjian penjualan saham (sekiranya ada)	
2.	Borang Pengisytiharan Struktur Pemegangan Saham/Novasi dan salinan dokumen sokongan (Kad Pengenalan, salinan terkini dan lengkap carian Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), carta organisasi syarikat dan surat kuasa wakil atau resolusi syarikat kepada wakil)	
3.	Dokumen profil syarikat SPV	
4.	Dokumen persetujuan bertulis daripada pemegang saham SPV sedia ada	
5.	Dokumen resolusi persetujuan lembaga pengarah syarikat berhubung perubahan pemegang saham dan struktur pemegangan saham dalam SPV	
6.	Penyata Kewangan Beraudit (<i>Audited Financial Statement</i>)/Akaun Pengurusan (<i>Management Account</i>) bagi SPV, syarikat induk yang mempunyai pegangan langsung dalam SPV dan syarikat pelabur baharu bagi lima (5) tahun terkini serta profil individu pemegang saham baharu	
7.	Perlembagaan SPV/syarikat induk	
8.	Dokumen-dokumen lain yang diminta oleh UKAS, JPM	


LAMPIRAN 5

SENARAI SEMAK DOKUMEN SOKONGAN PERMOHONAN NOVASI PERJANJIAN

Bil.	Perkara	Ya/Tidak
1.	Surat permohonan rasmi yang menyatakan tujuan novasi perjanjian, asas pertimbangan jualan dan draf perjanjian pengambilalihan syarikat (<i>acquisition agreement</i>)	
2.	Borang Pengisytiharan Struktur Pemegangan Saham/Novasi dan salinan dokumen sokongan (Kad Pengenalan, salinan terkini dan lengkap carian Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), carta organisasi syarikat dan surat kuasa wakil atau resolusi syarikat kepada wakil)	
3.	Dokumen profil pemilik baharu projek PPP	
4.	Dokumen persetujuan bertulis daripada pemegang saham SPV sedia ada	
5.	Dokumen resolusi persetujuan lembaga pengarah SPV berhubung novasi perjanjian	
6.	Dokumen struktur permodalan dalam SPV, pendapatan dan pulangan, pengalaman SPV dalam aktiviti yang diambil alih serta keupayaan dan kepakaran pengurusan SPV baharu/syarikat induk	
7.	Dokumen maklumat terperinci berkaitan liabiliti termasuk liabiliti luar jangka dan komitmen modal seperti potensi tuntutan oleh pengurusan, kes-kes mahkamah termasuk injunksi, liabiliti dipertikaikan dan jaminan korporat, komitmen modal serta kos-kos dan liabiliti lain	
8.	Dokumen senarai dan nilai aset menurut nilai buku (<i>book value</i>) yang dimiliki oleh SPV	
9.	Penyata Kewangan Beraudit (<i>Audited Financial Statement</i>)/Akaun Pengurusan (<i>Management Account</i>) bagi SPV, syarikat induk yang mempunyai pegangan langsung dalam SPV dan syarikat pelabur baharu bagi lima (5) tahun terkini serta profil individu pemegang saham baharu dan unjuran aliran tunai bagi baki tempoh konsesi.	
10.	Perlembagaan SPV/syarikat induk	
11.	Dokumen-dokumen lain yang diminta oleh UKAS, JPM	


LAMPIRAN 6

CARTA ALIR PROSES PERUBAHAN PEMEGANG SAHAM DAN STRUKTUR PEMEGANGAN SAHAM



LAMPIRAN 7

CARTA ALIR PROSES NOVASI PERJANJIAN PROJEK PPP



AKUAN BERSUMPAH

Saya, (.....)* dengan sungguh dan sebenarnya mengaku bahawa segala maklumat yang diberikan dalam permohonan ini adalah benar dan saya membuat akuan ini dengan kepercayaan bahawa akuan ini adalah benar, serta menurut kuasa peruntukan Akta Akuan Berkanun 1960.

Diperbuat dan dengan sebenar-benarnya diakui oleh yang tersebut namanya di atas

.....
.....

di

di Negeripada hari bulan.....

..... 20.....

Di hadapan saya,

.....

(Tandatangan Pesuruhjaya Sumpah)

Nota: * Ditandatangani oleh individu yang diberi kuasa oleh syarikat

SURAT AKUAN INTEGRITI
(Integrity Pact)

Perakuan Perubahan Pemegang Saham dan Struktur Pemegangan Saham/Novasi

Saya, (Nama Wakil Syarikat) nombor Kad Pengenalan /MYKad (000000 – 00 – 0000) yang mewakili (Nama Syarikat) nombor pendaftaran (MOF/PKK/CIDB/ROS/ROC/ROB) dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa-apa suapan kepada mana-mana individu dalam Kerajaan atau mana-mana individu lain, sebagai dorongan atau upah bagi sebarang tujuan berkaitan dengan kelulusan proses perubahan pemegang saham dan struktur pemegangan saham/novasi, sama ada sebelum, selepas atau semasa proses penilaian dijalankan. Bersama-sama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati bersalah menawar atau memberi suapan kepada mana-mana individu dalam Kerajaan atau mana-mana individu lain, sebagai dorongan atau upah bagi sebarang tujuan berkaitan dengan proses perubahan pemegang saham dan struktur pemegangan saham/novasi, sama ada sebelum, selepas atau semasa proses penilaian dijalankan, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil:

- 2.1. penarikan balik kelulusan perubahan pemegang saham dan struktur pemegangan saham/novasi saham/novasi di atas; atau
- 2.2. lain-lain tindakan undang-undang sedia ada.

3. Saya sesungguhnya faham bahawa saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat boleh didakwa bagi kesalahan* di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan Kanun Keseksaan [Akta 574] serta boleh dihukum di bawah undang-undang masing-masing atas kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini dalam mematuhi perkara yang terkandung dalam surat akuan ini.

4. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta suapan daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai dorongan atau upah untuk sebarang tujuan berkaitan dengan kelulusan perubahan pemegang saham dan struktur pemegangan saham/novasi, sama ada sebelum, selepas atau semasa proses penilaian dijalankan, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (SPRM) atau balai polis yang berhampiran. Saya sedar bahawa kegagalan saya berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah seksyen 25 (1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan boleh dihukum di bawah seksyen 25 (2) akta yang sama, apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

5. Saya sesungguhnya faham bahawa syarikat melakukan kesalahan jika seseorang yang bersekutu dengan syarikat** memberikan, menjanjikan atau menawarkan suapan untuk memperoleh atau mengekalkan perniagaan atau faedah dalam menjalankan perniagaan di bawah seksyen 17A Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], apabila disabitkan kesalahan boleh didenda tidak kurang daripada sepuluh kali ganda jumlah atau nilai suapan, atau RM1 juta, atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua puluh tahun atau kedua-duanya.

Yang Benar,

(Tandatangan)

.....

Nama :

No. Kad Pengenalan :

Tarikh :

Cop Syarikat :

Catatan:

- (i) Takrif “suapan” adalah seperti seksyen 3 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694].
- (ii) *termasuk kesalahan ditetapkan dalam Jadual (Perenggan 3, takrif “kesalahan ditetapkan” Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009[Akta 694] yang boleh dihukum di bawah Kanun Keseksaan [Akta 574].
- (iii) **seseorang yang bersekutu dengan syarikat merujuk kepada seksyen 17A (6) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] iaitu seseorang itu bersekutu dengan organisasi komersial jika dia seorang Pengarah, pekongsi atau pekerja organisasi komersial itu atau dia ialah orang yang melaksanakan perkhidmatan untuk atau bagi pihak organisasi komersial itu.

Takrif suapan, seksyen 3 Akta 694 merujuk kepada:

- (a) wang, derma, alang, pinjaman, fi, hadiah, cagaran berharga, harta atau kepentingan mengenai harta, iaitu apa-apa jenis harta, sama ada alih atau tidak alih, faedah kewangan, atau mana-mana manfaat seumpama itu yang lain;
- (b) apa-apa jawatan, kebesaran, pekerjaan, kontrak pekerjaan atau perkhidmatan, dan apa-apa perjanjian untuk memberikan pekerjaan atau memberikan perkhidmatan atas apa-apa sifat;
- (c) apa-apa bayaran, pelepasan, penunaian atau penyelesaian apa-apa pinjaman, obligasi atau liabiliti lain, sama ada keseluruhannya atau sebahagian daripadanya;
- (d) apa-apa jenis balasan berharga, apa-apa diskaun, komisen, rebat, bonus, potongan atau peratusan;
- (e) apa-apa perbuatan menahan diri daripada menuntut apa-apa wang atau nilai wang atau benda berharga;
- (f) apa-apa jenis perkhidmatan atau pertolongan lain, termasuk perlindungan daripada apa-apa penalti atau ketidakupayaan yang dikenakan atau yang dikhuatiri atau daripada apa-apa tindakan atau prosiding yang bersifat tatatertib, sivil atau jenayah, sama ada atau tidak sudah dimulakan, dan termasuk penggunaan atau menahan diri daripada menggunakan apa-apa hak atau apa-apa kuasa atau kewajipan rasmi; dan
- (g) apa-apa tawaran, aku janji atau janji, sama ada bersyarat atau tidak bersyarat, untuk memberikan suapan mengikut pengertian mana-mana perenggan (a) hingga (f).